

3 Jun 2026

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

HASIL PEMERIKSAAN KHAS B2 PUSPAKOM MENYUMBANG KEPUTUSAN TRIBUNAL DALAM PERTIKAIAN KENDERAAN TERPAKAI

- Pemeriksaan Khas B2 mengesan ketidakpatuhan struktur yang tidak diliputi dalam pemeriksaan wajib MV15 dan B7, sekali gus membuktikan kepentingan memilih jenis pemeriksaan yang bersesuaian mengikut tujuan
- Kes membuktikan peranan pemeriksaan khusus dan sukarela seperti B2 serta Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (VVI) dalam mengesan risiko tersembunyi dan memperkukuh perlindungan pengguna dalam pasaran kenderaan terpakai

SHAH ALAM, 3 Jun 2026 – PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”) mengetengahkan bagaimana hasil Pemeriksaan Khas (“B2”) telah menyumbang kepada keputusan tribunal yang memihak kepada pemilik kenderaan susulan pertikaian selama lapan bulan berkaitan keadaan sebuah kenderaan terpakai.

Kes berkenaan melibatkan seorang pembeli dari Pulau Pinang yang telah membeli sebuah kenderaan terpakai yang sebelum itu telah menjalani Pemeriksaan Tukar Hak Milik (“MV15”) dan Pemeriksaan Sewa Beli (“B7”). Kedua-dua pemeriksaan tersebut mempunyai tujuan yang berbeza, di mana MV15 dilaksanakan bagi tujuan pertukaran hak milik untuk mengesahkan identiti kenderaan serta nombor enjin dan casis, manakala B7 dijalankan atas permintaan institusi kewangan bagi tujuan pengesahan pembiayaan sewa beli.

Walaupun kenderaan tersebut telah melepasi kedua-dua pemeriksaan berkenaan, pembeli kemudiannya membangkitkan kebimbangan terhadap keadaan sebenar kenderaan itu dan memilih untuk menjalani **Pemeriksaan Khas = B2 di PUSPAKOM Batu Maung**.

Pemeriksaan B2 tersebut mengenal pasti ketidakpatuhan struktur pada bahagian casis yang menyebabkan kenderaan berkenaan menerima keputusan “GAGAL”. Hasil pemeriksaan itu kemudiannya dikemukakan sebagai bukti dan menjadi antara faktor yang menyumbang kepada keputusan tribunal yang memihak kepada pemilik kenderaan.

Kes ini memperlihatkan perbezaan antara pemeriksaan kawal selia seperti MV15 dan B7 dengan pemeriksaan khusus seperti B2. Berbeza dengan pemeriksaan pengesahan standard, B2 melibatkan penilaian struktur yang lebih menyeluruh merangkumi keadaan casis, integriti struktur, butiran pengenalan kenderaan serta pematuhan terhadap keperluan peraturan. Pendekatan ini membolehkan isu-isu tersembunyi seperti kerosakan akibat kemalangan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan besar dikenal pasti dengan lebih berkesan.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman, berkata kes tersebut membuktikan kepentingan memilih jenis pemeriksaan yang bersesuaian mengikut tujuan dan keperluan.

“Pemeriksaan MV15 dan B7 memenuhi fungsi kawal selia masing-masing, manakala Pemeriksaan Khas B2 menawarkan penilaian struktur yang lebih mendalam dan berupaya mengesan keadaan tertentu yang mungkin tidak dapat dikenal pasti melalui pemeriksaan standard,” katanya.

Beliau berkata, pemilik kenderaan juga disaran mengambil pendekatan yang lebih proaktif dalam aspek penjagaan dan keselamatan kenderaan melalui pemeriksaan sukarela seperti Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (“VVI”) yang ditawarkan oleh PUSPAKOM.

“VVI membantu pemilik membuat keputusan yang lebih tepat berkaitan penyelenggaraan kenderaan, persediaan perjalanan jarak jauh, meningkatkan keyakinan terhadap keadaan kenderaan serta menyokong keselamatan jalan raya secara keseluruhan. Ia juga menjadi penilaian yang berguna bagi individu yang bercadang membeli atau menjual kenderaan terpakai,” katanya lagi.

Setiap kategori pemeriksaan yang ditawarkan PUSPAKOM mempunyai fungsi dan kepentingan tersendiri:

- **Pemeriksaan Tukar Hak Milik (“MV15”)**: Pemeriksaan wajib bagi semua kenderaan persendirian terpakai yang menjalani proses pertukaran hak milik untuk mengesahkan identiti kenderaan serta nombor casis dan enjin.
- **Pemeriksaan Sewa Beli (“B7”)**: Pemeriksaan yang diperlukan oleh institusi kewangan bagi kenderaan yang terlibat dalam urusan pembiayaan atau pinjaman.
- **Pemeriksaan Khas (“B2”)**: Pemeriksaan struktur secara menyeluruh bagi kenderaan yang tertakluk kepada keperluan tertentu seperti pengubahsuaian,

cukai jalan tamat tempoh untuk tempoh yang panjang, kenderaan import atau kenderaan yang disyaki mempunyai masalah struktur.

- **Pemeriksaan Berkala:** Pemeriksaan wajib setiap enam bulan bagi kenderaan komersial untuk memastikan tahap kelayakan jalan dan pematuhan aspek keselamatan.
- **Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (“VVI”):** Pemeriksaan pilihan yang membantu pemilik menilai keadaan keseluruhan, tahap keselamatan dan kelayakan jalan kenderaan bagi tujuan perancangan penyelenggaraan yang lebih baik, persediaan perjalanan serta meningkatkan keyakinan terhadap pemilikan kenderaan.

PUSPAKOM menegaskan bahawa pemilihan jenis pemeriksaan yang tepat amat penting bagi memastikan penilaian yang menyeluruh dan tepat, sekali gus mengelakkan pertikaian yang berpotensi berlaku pada masa hadapan.

Pada masa yang sama, orang ramai digalakkan mengamalkan pemeriksaan pencegahan secara berkala, khususnya melalui VVI, sebagai sebahagian daripada amalan pemilikan kenderaan yang bertanggungjawab dan usaha meningkatkan keselamatan jalan raya untuk semua. Dengan harga serendah RM15, VVI menawarkan pilihan yang mudah diakses oleh pemilik kenderaan untuk memahami keadaan semasa kenderaan mereka serta mengesan sebarang masalah lebih awal.

PUSPAKOM kekal komited untuk mengekalkan standard pemeriksaan yang profesional, konsisten dan berintegriti dalam menyokong keselamatan jalan raya, perlindungan pengguna serta meningkatkan keyakinan awam terhadap ekosistem kenderaan terpakai negara.

- TAMAT -

LAMPIRAN GAMBAR

No. & file name	Photo	Caption
1. VVI 50% Discount	 PUSPAKOM 50% DISKAUN Bagi Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (VVI) Promosi ditawarkan untuk pelanggan Pemeriksaan Khas atau Pertukaran Hak Milik Tanda (f) "Pemeriksaan Sukarela" untuk semak kenderaan anda dalam keadaan baik.	JOM PERIKSA KENDERAAN ANDA SEBELUM ISU KECIL MENJADI MASALAH BESAR. Nikmati 50% diskaun Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (VVI) dan dapatkan gambaran menyeluruh mengenai keadaan kenderaan anda. ✓ Kenal pasti isu lebih awal ✓ Rancang penyelenggaraan dengan lebih baik ✓ Pandu dengan lebih yakin dan selamat Promosi sah sehingga 31 Julai 2026.
2. VVI from RM15	 WHAT DO WE CHECK? Single Visit Inspection For Only RM15 Brake & Suspension Test Smoke Emission Test Side-Slip Test Headlight Test Tinted Glass Test HEALTHY VEHICLE = SAFE VEHICLE BECAUSE YOU CAN'T PUT A VALUE ON THE SAFETY OF YOUR LOVED ONES Ensuring a healthy vehicle also ensures your safety and that of your loved ones. Make your every journey a safe, pleasant and one filled with cherished memories. Compromising the safety of your vehicle also means compromising on the safety of your loved ones and other road users. A healthy vehicle is a safe vehicle. Therefore, get your vehicle inspected to ensure it's healthy and roadworthy. Vehicle inspection enables you to detect potential defects that your vehicle possesses. Early detection followed by appropriate rectification and maintenance can enhance the roadworthiness of your vehicle. Voluntary Vehicle Inspection (VVI) PUSPAKOM Sdn Bhd 579420000337 (287865-10) Level 3, Wisma DRB-HICOM, No. 3, Jalan Luchuan 10/8, Seksyen 10, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan PUSPAKOM Sdn Bhd puspakom.atheroad puspakom@puspakom.com.my 03-5551 7000	TAHUKAH ANDA? VVI MEMERIKSA LEBIH DARIPADA SEKADAR KEADAAN LUARAN KENDERAAN. Pemeriksaan merangkumi komponen penting seperti: ✓ Sistem brek ✓ Emisi asap ✓ Suspensi ✓ Lampu dan tayar ✓ Keadaan bawah kenderaan Pastikan kenderaan anda berada dalam keadaan terbaik untuk keselamatan anda dan keluarga.

3. VVI from RM50



KENAPA PILIH PEMERIKSAAN KENDERAAN SUKARELA (VVI)?

Kerana keselamatan bermula dengan mengetahui keadaan sebenar kenderaan anda.

VVI membantu anda:

- ✓ Menilai tahap keselamatan dan kelayakan jalan
- ✓ Mengenal pasti kerosakan atau kehausan awal
- ✓ Bersedia untuk perjalanan jauh
- ✓ Membuat keputusan yang lebih yakin ketika membeli atau menjual kenderaan terpakai

Dengan harga serendah RM15, ketenangan fikiran kini lebih mudah dimiliki.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

Siti Khairuddin

Ketua Komunikasi Pemasaran & Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7769
H/P: 012 - 382 8550

Azimy Wan Ahmad

Ketua Komunikasi & Penjenamaan
Bahagian Komunikasi Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7322
H/P: 019 - 286 1486

Nik Haizan Nik Zambri

Pengurus Komunikasi & Penjenamaan
Bahagian Komunikasi Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 2052 7547
H/P: 012 - 262 0114

MENGENAI PUSPAKOM SDN BHD

PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan berlesen pertama di Malaysia dengan pengalaman operasi melebihi 30 tahun dalam industri automotif negara yang kini diliberalisasikan. Peranan utamanya adalah memastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat digunakan di jalan raya serta mematuhi piawaian keselamatan dan pelepasan yang ditetapkan oleh kerajaan, sejajar dengan usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan kelestarian alam sekitar.

PUSPAKOM mempunyai rangkaian operasi yang meluas di seluruh negara dengan 53 pusat pemeriksaan serta 30 tapak lawatan khusus bagi kawasan luar bandar, yang dilengkapi teknologi diperakui dan dikalibrasi. Bagi memenuhi keperluan pengguna moden dan pengendali kenderaan komersial, PUSPAKOM turut menyediakan perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak melalui 10 trak bergerak, 36 van bergerak dan 4 unit ringan, yang menawarkan perkhidmatan di lokasi termasuk pemeriksaan awal dan berkala bagi kenderaan komersial serta urusan tukar milik dan pembaharuan cukai jalan bagi kenderaan persendirian.

PUSPAKOM terus komited dalam memacu inovasi digital dan kecekapan operasi dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, profesional dan mudah diakses melalui platform bersepadu. Untuk maklumat lanjut atau untuk membuat tempahan pemeriksaan kenderaan, layari www.GiCheck.my.

FAKTA PUSPAKOM

PENGENALAN

PUSPAKOM Sdn Bhd merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan berlesen pertama di Malaysia dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di seluruh negara, selaras dengan perkembangan industri automotif yang diliberalisasikan.

MANDAT TERAS

- Menjalankan pemeriksaan kenderaan bagi memastikan kelayakan di jalan raya
- Memastikan pematuhan terhadap piawaian keselamatan yang ditetapkan Kerajaan
- Menyokong kelestarian alam sekitar melalui ujian pelepasan

RANGKAIAN NASIONAL

- 53 Pusat Pemeriksaan di seluruh Malaysia
- 30 Tapak Lawatan bagi kawasan luar bandar dan terpencil
- Liputan menyeluruh bagi memastikan akses perkhidmatan di seluruh negara

PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN BERGERAK

PUSPAKOM menyediakan perkhidmatan pemeriksaan di lokasi untuk pelanggan komersial dan persendirian:

- **10 trak bergerak** - (Untuk syarikat yang mempunyai kumpulan kenderaan besar.)
 - Sasaran: armada komersial dan pelanggan korporat
 - Perkhidmatan: Pemeriksaan Awal, Pemeriksaan Berkala, Pemeriksaan Sewa Beli (B7)
- **36 van bergerak** - (Untuk pemilik kenderaan persendirian)
 - Sasaran: pemilik kenderaan persendirian
 - Perkhidmatan: Pemeriksaan Tukar Milik, Pembaharuan Cukai Jalan, Pendaftaran Kenderaan Import
- **4 unit ringan**
 - Menyokong keperluan penugasan fleksibel dan pantas

PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH (Ancillary Services)

PUSPAKOM menawarkan pelbagai perkhidmatan sampingan yang dirancang bagi menyokong keperluan komersial, operasi serta penglibatan pelanggan, termasuk:

- **Perkhidmatan Pengiklanan dan Sewaan Ruang**
 - Pelbagai pilihan pengiklanan dan sewaan ruang yang komprehensif, disesuaikan mengikut keperluan pemasaran. Ini merangkumi penempatan luar berimpak tinggi serta pendedahan di lokasi dan secara mobil, bagi memberikan keterlihatan yang disasarkan kepada pelanggan di seluruh rangkaian PUSPAKOM di seluruh negara
- **Perkhidmatan Insurans Kenderaan dan Pembaharuan Cukai Jalan**
 - Perkhidmatan pembaharuan insurans kenderaan dan cukai jalan yang mudah dan pantas, bagi meningkatkan pengalaman pelanggan melalui penyediaan penyelesaian nilai tambah yang lancar di semua titik sentuhan PUSPAKOM
- **Perkhidmatan Perundingan Pengurusan Kenderaan (VMCS)**
 - Program latihan dan kesedaran yang berstruktur, bertujuan meningkatkan aspek keselamatan kenderaan, pematuhan peraturan serta kecekapan operasi bagi organisasi yang menguruskan armada kenderaan, selain turut memberi manfaat kepada orang awam

AKSES DIGITAL DAN TEMPAHAN.

- Laman web rasmi: www.puspakom.com.my
- Tempahan dalam talian melalui www.GiCheck.my
- Tempahan pukal dan korporat melalui: marketing@puspakom.com.my

KEUPAYAAN DAN STANDARD

- Penggunaan peralatan pemeriksaan yang diperakui dan dikalibrasi
- Pematuhan kepada rangka kerja kawal selia dan standard yang ketat
- Pelaksanaan protokol pemeriksaan yang seragam di seluruh negara

SEGMENT PELANGGAN

- Pemilik kenderaan persendirian
- Pengendali armada komersial
- Syarikat logistik dan penghantaran
- Pengangkutan awam termasuk bas dan teksi
- Pemandu e-hailing
- Institut memandu
- Pengedar dan pengimport automotif

KOMITMEN PERKHIDMATAN

- Penyampaian perkhidmatan yang pantas dan cekap
- Tenaga kerja pemeriksa yang profesional dan terlatih
- Akses perkhidmatan yang lebih luas melalui saluran fizikal dan bergerak

FOKUS STRATEGIK

- Memperkukuh keselamatan jalan raya di peringkat nasional
- Menyokong pematuhan terhadap keperluan alam sekitar
- Memperluas integrasi digital dan akses perkhidmatan
- Meningkatkan kecekapan operasi dalam landskap industri yang diliberalisasikan